



**“BANGGAKAH KITA MENJADI TUKANG VIRAL FITNAH DI MEDIA SOSIAL”.1**

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ فَتُصْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ ﴿٦﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٤﴾</p>	4
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Saya mengingatkan diri saya dan mengajak tuan-tuan, marilah sama-sama kita berusaha meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan patuh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita di dunia dan akhirat berada dalam reda Allah SWT.</p>	5
<p>Pada hari yang berbahagia ini, marilah kita muhasabah diri kita melalui khutbah yang bertajuk: <b>“BANGGAKAH KITA MENJADI TUKANG VIRAL FITNAH DI LAMAN SOSIAL?”</b></p> <p><b>Hadirin yang berbahagia,</b></p>	6



<p>Pada zaman serba moden dan canggih ini, gejala fitnah berleluasa dengan semakin pantas, ditambah lagi dengan adanya pelbagai platform media sosial dan internet di hujung jari. Penyakit hati yang telah pun wujud sejak turunnya Nabi Adam Alaihissalam atas muka bumi ini, kini nampaknya semakin menjadi-jadi.</p> <p>Jika dahulu fitnah disebarikan secara ‘telinga ke telinga’ atau melalui lisan, mungkin mengambil masa yang agak lama untuk disebarikan, tetapi kini ia hanya mengambil masa beberapa saat sahaja untuk tersebar ke seluruh dunia. Fitnah tersebar melalui hujung jari sahaja hanya dengan menggunakan telefon pintar atau skrin komputer yang membolehkan sesiapa sahaja mencipta sesuatu fitnah dan menyebarkannya kepada semua orang.</p>	7
<p>Hal ini bukan sahaja memburukkan maruah mangsa fitnah, malah lebih malang lagi ia mampu membawa kepada penyakit sosial yang buruk dengan berlakunya perpecahan dalam kalangan masyarakat.</p> <p>Pernahkah kita terfikir, apakah akibat yang akan menimpa mangsa fitnah tersebut, apabila kita tidak tahu hujung pangkal sesuatu cerita itu tetapi kerana hendak menjadi juara tukang viral fitnah, maka kita tidak mempedulikan larangan-larangan agama kita,</p>	8
<p>sedangkan Allah SWT telah mengingatkan kita dengan firman-Nya dalam al-Quran surah Al-Hujurat ayat 6 yang dibacakan di awal khutbah tadi yang bermaksud:</p> <p><i>“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita maka bertabayyunlah (selidiklah untuk menentukan kebenarannya), supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang telah kamu lakukan .”</i></p> <p><b>Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,</b></p>	9



<p>Oleh itu jika kita terbaca sebarang posting yang tidak dapat dipastikan kesahihannya, nasihatilah rakan kita yang berkongsi posting tersebut. Namun jika tidak mampu menasihatinya, maka kita buang sahaja tanpa perlu memberi sebarang respon. Samalah dengan mesej berantai ‘copy paste dari group sebelah’ yang kita selalu terima di group WhatsApp, ini semua perlu diabaikan dan buang sahaja untuk mengelakkan kita sama-sama berkongsi maksiat dan dosa tersebut.</p>	10
<p>Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Hafs bin ‘Asim, bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;"><b>كَفَى بِالْمَرْءِ كَذِبًا أَنْ يُحَدِّثَ بِكُلِّ مَا سَمِعَ</b></p> <p><i>“Cukuplah bagi seseorang itu digelar pendusta apabila dia menceritakan semua yang didengarnya tanpa bertabayyun (menyelidikinya).”</i></p> <p style="text-align: right;">(Riwayat Muslim).</p>	11
<p><b>Muslimin yang dikasihi Allah SWT sekalian,</b></p> <p>Tidak terfikirkah kita tentang nasib individu yang menjadi mangsa fitnah, bagaimana agaknya dia ingin berdepan dengan masyarakat dan negaranya bahkan seluruh masyarakat dunia mengecam dan menghina maruah dirinya.</p>	12
<p>Oleh itu, kita sebagai umat Islam yang telah berikrar dan bersaksi menyatakan patuh kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW melalui ucapan dua kalimah syahadah, tidak sepatutnya terlibat sama dalam menyebarkan fitnah tersebut.</p>	13



<p>Ingatlah, amaran yang keras daripada Allah SWT melalui firman-Nya dalam surah Al-Nur ayat 19:</p> <p>إِنَّ الَّذِينَ يُجِبُونَ أَنْ تَشِيَعَ الْفَحِشَةُ فِي الَّذِينَ ءَامَنُوا لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿١٩﴾</p>	14
<p><i>“Sesungguhnya orang-orang yang suka hebahkan tuduhan-tuduhan yang buruk dalam kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya di dunia dan di akhirat; dan (ingatlah) Allah mengetahui (segala perkara) sedang kamu tidak mengetahui (yang demikian).”</i></p>	15
<p><b>Hadirin yang berbahagia,</b></p> <p>Cubalah kita letakkan diri kita di tempat mangsa fitnah tersebut, apakah perasaan kita jika kita difitnah dengan sesuka hati sehingga menjejaskan maruah kita</p>	16
<p>Ingatlah amaran Nabi SAW melalui hadisnya yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahu’anhū bahawa baginda bersabda:</p> <p>يَتَقَارَبُ الزَّمَانُ وَيُقْبَضُ الْعِلْمُ وَتَظْهَرُ الْفِتْنُ وَيُلْقَى الشُّحُّ وَيَكْثُرُ الْهَرْجُ. قَالُوا وَمَا الْهَرْجُ قَالَ "الْقَتْلُ".</p>	17



<p>“Zaman akan semakin dekat, dicabutnya ilmu, akan timbul fitnah-fitnah, dimasukkan ke dalam hati sifat kikir dan akan banyak al-harj. Mereka (para sahabat) bertanya: “Apakah al-harj, wahai Rasulullah?”. Baginda menjawab : “Al-harj itu Pembunuhan”.</p> <p>(Riwayat alBukhari dan Muslim).</p>	18
<p>Justeru, sebagai umat Islam jauhilah kerja-kerja penyebaran fitnah ini. Janganlah kita merasa seronok menularkan berita-berita yang kita tidak tahu kesahihannya hanya semata-mata untuk menjadi juara di laman sosial. Akibatnya sangatlah berat, antaranya:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Hilangnya kepercayaan dan tergolong sebagai orang-orang yang fasik.</li></ol>	19
<p>Allah berfirman dalam Al-Quran surah An-Nur ayat 4:</p> <p>وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاءَ فَاجْلِدُوهُمْ ثَمَانِينَ جَلْدَةً وَلَا تَقْبَلُوا لَهُمْ شَهَادَةً أَبَدًا وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿٤﴾</p>	20
<p>“Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka lapan puluh kali sebatan; dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selama-lamanya; kerana mereka adalah orang-orang yang fasik.”</p>	21



<p>2. Hilangnya ganjaran syurga bagi penyebar fitnah.</p> <p>Di akhirat kelak orang-orang yang membuat dan menyebarkan fitnah tidak akan mendapat balasan Syurga Allah SWT.</p>	22
<p>Hadis daripada Huzaifah Radiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:</p> <p style="text-align: center;">لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ نَمَّامٌ</p> <p style="text-align: center;">“Tidak masuk Syurga orang yang suka menyebarkan fitnah.” (Riwayat al-Bukhari dan Muslim).</p>	23
<p>3. Menempah Neraka Jahanam.</p> <p>Pembuat fitnah akan menjadi penghuni Neraka Jahanam, manakala orang yang menyebarkan dan mempercayai fitnah tersebut akan juga menerima dosa dan balasan yang sama.</p>	24
<p>Oleh kerana betapa buruknya kesan terhadap kehidupan umat Islam akibat daripada penyebaran fitnah, maka marilah sama-sama kita berusaha menjadi antara orang-orang yang sentiasa menyebarkan kedamaian dan saling memperkukuhkan persaudaraan. Jadilah sebagai seorang mukmin yang sejati seperti yang dinyatakan oleh firman Allah SWT dalam surah al-Hujarat ayat 10:</p> <p style="text-align: center;">إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ</p> <p style="text-align: right;">﴿١٠﴾</p>	25



<p><i>“Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.”</i></p>	26
<p>Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah sama-sama kita hayati perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam perlu yakin bahawa menyebarkan fitnah berdosa besar dan melakukannya boleh menjerumuskan diri kelembah kehinaan.</li><li>2. Umat Islam perlu sedar bahawa diam itu lebih baik, kita bercakap apa yang perlu dan sebarkan hanya perkara yang mendatangkan manfaat sahaja.</li><li>3. Umat Islam hendaklah sentiasa menjaga lisan dengan baik dan bijak supaya tergolong dalam kalangan orang-orang yang dilindungi Allah SWT di dunia dan akhirat.</li><li>4. Umat Islam hendaklah sedar meskipun pintu taubat Allah SWT itu terbentang luas, ia ada tarikh akhirnya. Maka segerakanlah bertaubat kepada Allah SWT.</li></ol>	27
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p style="text-align: center;">إِنَّ الَّذِينَ فَتِنُوا الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَتُوبُوا فَلَهُمْ عَذَابُ جَهَنَّمَ وَلَهُمْ عَذَابُ الْحَرِيقِ ﴿١٠﴾</p>	28
<p><i>“Sesungguhnya orang-orang yang menimpakan bencana untuk memesongkan orang-orang lelaki yang beriman dan orang-orang perempuan yang beriman, kemudian mereka tidak bertaubat, maka mereka akan beroleh azab neraka Jahannam (kerana perbuatan buruk itu), dan mereka akan beroleh lagi azab api yang kuat membakar (kerana mereka tidak bertaubat).”</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Surah al-Buruj : 10).</i></p>	29



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.	30
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ	31



## KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	3
<p>Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertaqwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak Covid-19.</p>	5
<p>Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin dengan sentiasa mematuhi SOP dan ambillah pengajaran atas apa yang berlaku, berhati-hati dan beringatlah selalu walau kita diberi sedikit kebebasan untuk bergerak. Ini kerana Negara masih memerangi wabak Covid-19 ini demi keselamatan diri kita serta masyarakat keseluruhannya.</p>	7
<p>Bagi yang terkesan dengan wabak ini, janganlah mengambil jalan mudah dengan memudarut dan menyakiti diri sendiri. Kita mestilah berjiwa besar, sabar dan kuat mental serta fizikal berasaskan keimanan yang mantap.</p>	8



Marilah sama-sama kita memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana perintah Allah dalam firman-Nya :	9
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾	10
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.	11
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.	12
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمَّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَأَنْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.	13
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ،	14
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	15



<p>اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيُولِيَّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،</p>	16
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوظَّفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.</p>	17
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	18
<p>Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hamba-Mu yang sentiasa meninggikan kalimah dan Agama-Mu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina Agama-Mu</p>	19
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	20
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اذْفَعْنَا عَنْ هَذَا الْوَبَاءِ وَالْبَلَاءِ وَالْمَرَضِ وَالشَّدَائِدِ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	21



<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾.</p>	22
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	23
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	24